



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH**  
**Dokumen Penjajaran Kurikulum**  
**Tahun 2020**

**REKA BENTUK DAN**  
**TEKNOLOGI**  
**TINGKATAN 3**

## KATA PENGANTAR



Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah diijarkan bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan akibat penularan koronavirus (COVID-19). Arahan PKP telah membawa normal baharu dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara maya. Dapatan daripada beberapa tinjauan melalui media cetak dan elektronik menunjukkan bahawa PdP secara maya semasa tempoh PKP, tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan bersistematik. Implikasinya, wujud jurang pembelajaran antara murid. Hal demikian turut menjejaskan penguasaan kandungan, kemahiran dan nilai asas yang diperlukan oleh murid bagi meneruskan pembelajaran ke peringkat seterusnya. Oleh itu, penjajaran kurikulum ini merupakan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan kelangsungan pembelajaran murid berlaku.

Kurikulum yang diijarkan ini bukanlah kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM. Kandungan DSKP tersebut dibahagikan kepada Kandungan Asas, Kandungan Tambahan dan Kandungan Pelengkap.

Penjajaran kandungan kurikulum ini bertujuan memberi penekanan terhadap kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala kandungan tambahan dan kandungan pelengkap berperanan menyokong keseluruhan pembelajaran bagi kandungan sesuatu mata pelajaran melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran. Pendekatan pembelajaran teradun yang menggabungkan teknik pengajaran bersemuka dan tidak bersemuka menggunakan medium yang sesuai mampu menghasilkan PdP yang lebih fleksibel tanpa mengabaikan hasil pembelajaran yang dihasratkan.

Harapan Kementerian Pendidikan Malaysia agar guru dapat memastikan kandungan DSKP disampaikan kepada murid seterusnya merealisasikan hasrat dan matlamat mata pelajaran KSSM. Kementerian Pendidikan Malaysia juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penjajaran kandungan DSKP KSSM bagi kegunaan tahun 2020.

**DATIN SRI HAJAH NOR ZAMANI BINTI ABDOL HAMID**

Pengarah  
Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia

| Tajuk                                       | Standard Kandungan / Standard Pembelajaran  |  |  |
|---|---|--|--|
|   | Kandungan Asas  | Kandungan Tambahan   | Kandungan Pelengkap  |
| <b>PEMBANGUNAN PRODUK</b>                   |   |  |  |
| 2.1 Penghasilan produk                      | 2.1.7<br>Menghasilkan produk berfungsi atau berfungsi sebahagian.<br>2.1.8<br>Membuat pengujian dan penilaian kefungsiian serta kesesuaian produk.<br>2.1.10<br>Menyediakan dokumentasi.  | 2.1.9<br>Membuat cadangan penambahbaikan produk berdasarkan laporan keputusan ujian.   |  |
| <b>REKA BENTUK DALAM PERNIAGAAN</b>         |   |  |  |
| 3.1 Reka Bentuk sebagai Instrumen Pemasaran | 3.1.1<br>Menyatakan maksud pemasaran.<br>3.1.2<br>Menerangkan peranan reka bentuk dalam pemasaran.<br>3.1.3<br>Mengenal pasti kaedah reka bentuk pengiklanan.<br>3.1.4<br>Memilih kaedah reka bentuk pengiklanan yang sesuai untuk memasarkan produk yang dihasilkan.<br>3.1.7<br>Menghasilkan reka bentuk pengiklanan. | 3.1.5<br>Menganalisis kaedah reka bentuk pengiklanan yang dipilih.<br>3.1.6<br>Membuat rumusan kaedah reka bentuk pengiklanan yang sesuai dengan produk. | Mengenal pasti langkah dalam penghasilan reka bentuk pengiklanan |

**Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E  
62604 Putrajaya  
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917**